

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SEREMBAN  
DALAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS, MALAYSIA  
PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO.: NA-25-13-10/2017**

**ANTARA**

**SKF BEARING INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN BHD .....PEMOHON**

**DAN**

**KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI .....RESPONDEN**

**PENGHAKIMAN**

[1] Lampiran 29 adalah permohonan untuk semakan kehakiman terpinda pemohon di bawah A.53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM) menurut kebenaran yang diberikan oleh Mahkamah ini pada 12 Oktober 2017.

[2] Pemohon memohon relief-relief berikut:

- (a) suatu perintah certiorari untuk membatalkan keputusan responden dalam surat daripada responden bertarikh 19 September 2017 untuk enggan menggunakan Ketetapan Awal bertarikh 13 September 2012 yang dikeluarkan oleh responden di bawah seksyen 138B Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada jualan aset tidak ketara oleh pemohon untuk jumlah RM400,700,000.00;

- (b) suatu deklarasi bahawa Ketetapan Awal bertarikh 13 September 2012 yang dikeluarkan oleh responden di bawah seksyen 138B Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah terpakai kepada jualan aset tidak ketara oleh pemohon untuk jumlah RM400,700,000.00 menurut Ketetapan Awal tersebut;
- (c) suatu mandamus untuk mewajibkan responden untuk mengguna pakai Ketetapan Awal bertarikh 13 September 2012 yang dikeluarkan oleh responden di bawah seksyen 138B Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada jualan aset tidak ketara oleh pemohon untuk jumlah RM400,700,000.00 menurut Ketetapan Awal tersebut;
- (d) suatu mandamus untuk mewajibkan responden untuk mengambil segala tindakan yang sesuai atau yang diperlukan untuk memberi efek kepada, dan selaras dengan, perintah-perintah dan atau relief-relief yang diberi atau dibuat oleh Mahkamah yang Mulia ini;
- (e) suatu mandamus untuk mewajibkan responden untuk membayar balik kepada pemohon segala dan apa-apa amaun yang dibayar oleh pemohon kepada responden akibat daripada keputusan yang dipersoalkan (termasuk Notis Taksiran Tambahan (Borang JA) untuk Tahun Taksiran 2012 bertarikh 19 September 2017 yang dikeluarkan oleh responden bersama-sama dengan:
  - (i) bunga atas jumlah yang dibayar oleh pemohon kepada responden, pada kadar 5% setiap tahun atau pada kadar lain yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah yang

Mulia ini, dari tarikh pembayaran sehingga tarikh penghakiman; dan

(ii) bunga atas jumlah yang perlu dibayar balik kepada pemohon dan amaun yang dinyatakan di perenggan (e) di atas pada kadar 5% setiap tahun dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh;

(f) kos; dan

(g) apa-apa perintah dan atau relief lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah yang Mulia ini atau sebagaimana Mahkamah yang Mulia ini diusulkan.

[3] Alasan-alasan permohonan yang dinyatakan dalam pernyataan (Lampiran 2) dan pernyataan lanjutan (Lampiran 30) bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(i) pemohon adalah terjejas dengan keputusan responden melalui surat bertarikh 19 September 2017 yang enggan untuk mengguna pakai Ketetapan Awal bertarikh 13 September 2012 (Ketetapan Awal) kepada jualan aset tidak ketara oleh pemohon untuk jumlah RM400,700,000.00

(ii) pemohon telah memberikan semua maklumat dan dokumen-dokumen yang relevan kepada responden di dalam permohonan untuk Ketetapan Awal.

- (iii) pemohon tidak tergolong dalam mana-mana pengecualian di bawah seksyen 138B (6) Akta Cukai Pendapatan (ACP).
- (iv) keputusan responden di dalam surat bertarikh 19 September 2017 tidak mendedahkan apa-apa dasar yang sah dan sah.
- (v) responden telah bertindak ultra vires seksyen 138B ACP.
- (vi) keputusan responden untuk tidak menggunakan Ketetapan Awal adalah kegagalan terang-terangan oleh responden untuk melaksanakan kewajipan statutorinya di bawah ACP.
- vii) keputusan responden yang enggan menggunakan Ketetapan Awal adalah tidak munasabah.

[4] Pemohon memfailkan affidavit-afidavit berikut:

- (i) affidavit sokongan yang diikrarkan oleh Eric Chua Tham Hoe pada 5 Oktober 2017 (Lampiran 4);
- (ii) affidavit jawapan pemohon yang diikrarkan oleh Eric Chua Tham Hoe pada 10 April 2018 (Lampiran 34);
- (iii) affidavit jawapan pemohon (2) yang diikrarkan oleh Eric Chua Tham Hoe pada 18 Mei 2018 (Lampiran 37);

[5] Responden memfailkan affidavit jawapan berikut menentang permohonan pemohon:

- (i) affidavit jawapan responden (1) yang diikrarkan oleh Christine Baptist pada 20 November 2017 (Lampiran 32);

- (ii) affidavit jawapan responden (2) yang diikrarkan oleh Afzanizan Ab Rahman pada 20 Mac 2018 (Lampiran 33);
- (iii) affidavit jawapan responden (3) yang diikrarkan oleh Christine Baptist pada 3 Mei 2018 (Lampiran 35);
- (iv) affidavit jawapan responden (4) yang diikrarkan oleh Afzanizan Ab Rahman pada 3 Mei 2018 (Lampiran 36)

[6] Latar belakang fakta bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- (i) pemohon adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan sebahagian daripada kumpulan syarikat SKF (Kumpulan SKF). Syarikat induk Kumpulan SKF ialah Aktiebolaget SKF (SKF Sweden) yang diperbadankan di Sweden;
- (ii) pemohon terlibat terutamanya dalam pembuatan rolling bearings dan komponen-komponen berkaitan;
- (iii) SKF Sweden bersama kumpulan syarikatnya telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi pembuatan bearing. Penyertaan dan sumbangan ahli-ahli Kumpulan SKF adalah ditadbir oleh Perjanjian Perkongsian Kos global dan berbilang pihak bertarikh 1 Januari 1997 (Cost Sharing Agreement – CSA);
- (iv) di bawah CSA, SKF Sweden akan mentadbir, menganjur dan melaksanakan kerja-kerja R&D tersebut. Hasil daripada R&D dan selaras dengan CSA, SKF Sweden bersama-sama dengan

kumpulan syarikatnya telah mengeluarkan pelbagai paten, reka bentuk, spesifikasi dan know how yang berkaitan dengan produk-produk bearing tersebut (Aset Tidak Ketara). Setiap peserta CSA mempunyai hak, hak milik dan kepentingan yang tidak terbahagi di dalam Aset Tidak Ketara tersebut. Setiap peserta yang mempunyai kepentingan di dalam Aset Tidak Ketara boleh mengeksploitasi secara komersial Aset Tidak Ketara tersebut tanpa caj;

(v) pada tahun 2011 ia telah diputuskan bahawa SKF Sweden akan menstruktur semula operasi global Kumpulan SKF dengan memusatkan pemunyaan Aset Tidak Ketara di SKF Sweden. Ia dicadangkan bahawa:

(v.i) SKF Sweden akan membeli pemunyaan di sisi undang-undang dan pemunyaan benefisial Aset Tidak Ketara daripada pemohon;

(v.ii) SKF Sweden akan mengambil alih semua risiko perniagaan dan ekonomik yang berkaitan dengan produk-produk dan perniagaan;

(v.iii) pemohon akan menjual Aset Tidak Ketara kepada SKF Sweden dan pemohon tidak lagi mempunyai hak-hak atau akses untuk menggunakan Aset Tidak Ketara melainkan jika diaturkan di bawah perjanjian yang berasingan. Justeru, pemohon tidak lagi akan memiliki apa-apa pemunyaan benefisial ke atas Aset Tidak Ketara;

- (v.iv) berikutan transaksi yang dicadangkan, pemohon akan berhenti menjadi full-fledged manufacturer kerana pemohon tidak lagi akan mempunyai hak-hak untuk mengeksploitasi secara komersial Aset Tidak Ketara dan pemohon hanya akan menjadi contract manufacturer untuk SKF Sweden; dan
- (v.v) sebagai pampasan untuk pemisahan pemunyaan (benefisial dan ekonomik) di dalam Aset Tidak Ketara, SKF Sweden akan membuat pembayaran sekaligus kepada pemohon.
- (vi) pada 1 Disember 2011 pemohon dan SKF Sweden memasuki Contract Manufacturing Agreement (CMA) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2012;
- (vii) pemohon pada 6 April 2012 melalui ejen cukainya Pricewaterhouse Cooper Taxation Services Sdn Bhd (PWC) memohon kepada responden untuk Ketetapan Awal di bawah seksyen 138B ACP berhubung dengan layanan cukai penerimaan RM400,700,000.00 oleh pemohon daripada SKF Sweden untuk jualan Aset Tidak Ketara;
- (viii) selepas meminta maklumat dan dokumen-dokumen tersebut daripada pemohon yang mana pemohon telah memberikannya, pada 13 September 2012 responden membuat Ketetapan Awal bahawa pembayaran sekaligus oleh SKF Sweden kepada pemohon untuk jualan Aset Tidak Ketara adalah suatu penerimaan modal dan tidak tertakluk kepada cukai di bawah ACP;

- (ix) bersandarkan kepada Ketetapan Awal, pemohon dan SKF Sweden memasuki kontrak Intangible Property Sale Agreement bertarikh 26 Oktober 2012 (IPSA). Di bawah IPSA, SKF Sweden membayar RM400,700,000.00 kepada pemohon untuk jualan Aset Tidak Ketara oleh pemohon kepada SKF Sweden:
- (x) bersandarkan kepada Ketetapan Awal, untuk tahun taksiran 2012, pemohon menganggap jumlah yang diterima di bawah IPSA untuk jualan Aset Tidak Ketara sebagai suatu penerimaan modal dan tidak tertakluk kepada cukai pendapatan;
- (xi) lanjutan daripada audit luar ke atas pemohon, melalui surat bertarikh 4 April 2017, responden memaklumkan pemohon bahawa penerimaan RM400,700,000.00 adalah penerimaan hasil dan tertakluk kepada cukai pendapatan;
- (xii) melalui surat bertarikh 21 April 2017 pemohon menghuraikan kepada responden antaranya pemohon hanyalah contract manufacturer dan tidak lagi memberi sumbangan untuk apa-apa aktiviti R&D atau memegang apa-apa risiko liabiliti produk, hanya menjual produk-produk pembuatan kepada syarikat-syarikat di dalam Kumpulan SKF. Selanjutnya pemohon menghuraikan bahawa pemohon telah mendapatkan Ketetapan Awal yang mana responden mengesahkan bahawa penerimaan RM400,700,000.00 untuk jualan Aset Tidak Ketara adalah suatu penerimaan modal dan tidak tertakluk kepada cukai di bawah ACP;



- (xiii) melalui surat bertarikh 10 Ogos 2017 responden memaklumkan pemohon antara lain bahawa pemohon telah mengekalkan hak benefisial ke atas Aset Tidak Ketara sebagai contract manufacturer maka Ketetapan Awal tidak terpakai kepada jualan Aset Tidak Ketara.
- (xiv) selepas menghadiri mesyuarat dengan wakil responden untuk membincangkan dapatan responden dalam surat bertarikh 10 Ogos 2017, pemohon telah memberikan maklum balas bertulis kepada responden melalui surat bertarikh 15 September 2017 antara lain pemohon menegaskan sekali lagi kedudukannya bahawa Ketetapan Awal adalah terpakai kepada jualan Aset Tidak Ketara;
- (xv) melalui surat bertarikh 19 September 2017 responden antara lain memaklumkan pemohon mengenai keputusan responden yang enggan untuk menggunakan Ketetapan Awal kepada jualan Aset Tidak Ketara, penerimaan RM400,700,000.00 oleh pemohon bukan suatu penerimaan modal untuk kehilangan Aset Tidak Ketara tetapi adalah penerimaan hasil yang merupakan 'substitution of income' bagi penurunan margin yang dirancang melalui proses penstrukturan semula dan untuk mengenakan cukai ke atas jualan tersebut di bawah seksyen 4(f) ACP. Responden juga melampirkan Notis Taksiran Tambahan (Borang JA) bagi tahun taksiran 2012 bertarikh 19 September 2017 yang menyatakan pemohon perlu membayar cukai tambahan dengan penalti di bawah seksyen 112(3) ACP pada kadar 45% berjumlah RM145,253,750.00;

- (xvi) pada 20 September 2017 pemohon menerima surat lain yang juga bertarikh 19 September 2017 daripada responden antara lain menyatakan bahawa Ketetapan Awal tidak terpakai kepada jualan Aset Tidak Ketara oleh pemohon;
  - (xvii) pada 5 Oktober 2017 pemohon memfailkan permohonan untuk kebenaran bagi memulakan prosiding semakan kehakiman;
  - (xviii) pada 12 Oktober 2017 Mahkamah ini telah memberi kebenaran kepada pemohon untuk memulakan prosiding semakan kehakiman;
  - (xix) pada 13 Oktober 2017 pemohon memfailkan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan terhadap Notis Taksiran Tambahan (Borang JA) bertarikh 19 September 2017 bagi tahun taksiran 2010, 2011 dan 2012 melalui Borang Q bertarikh 13 Oktober 2017.
- [7] Peguamcara pemohon dan peguamcara responden telah memfailkan hujahan bertulis dan hujahan balasan bertulis. Peguamcara pemohon dan peguamcara responden juga telah berhujah secara lisan di hadapan Mahkamah ini pada 25 Julai 2018.
- [8] Saya telah meneliti permohonan semakan kehakiman terpinda pemohon, pernyataan dan pernyataan lanjutan di bawah A.53 k.3(2) KKM dan affidavit-afidavit yang difailkan oleh pemohon dan responden.

- [9] Saya telah menimbang hujahan bertulis, hujahan balasan bertulis dan hujahan lisan peguamcara pemohon dan peguamcara responden serta meneliti kes otoriti yang dirujuk.
- [10] Seperti dihujahkan oleh peguamcara pemohon, pemohon mencabar keputusan responden yang enggan untuk menggunakan Ketetapan Awal bertarikh 13 September 2012 yang dibuat oleh responden menurut seksyen 138B ACP atas alasan ia adalah menyalahi undang-undang (illegal) iaitu ultra vires seksyen 138B ACP dan responden telah gagal untuk melaksanakan kewajipan statutorinya di bawah seksyen 138B ACP untuk menggunakan Ketetapan Awal dan atas alasan ia adalah tidak rasional dan atau tidak munasabah. Adalah mengejutkan responden sekarang membangkitkan isu bahawa kes ini sepatutnya didengar oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan memandangkan responden tidak membantah kebenaran diberikan semasa pendengaran permohonan pemohon untuk kebenaran memulakan prosiding semakan kehakiman. Dalam apa jua keadaan terdapat keadaan luar biasa dalam kes ini sama ada responden telah membuat keputusan yang menyalahi undang-undang dan tidak munasabah.
- [11] Peguamcara responden berhujah responden telah bertindak menurut undang-undang dan secara munasabah apabila enggan untuk menggunakan Ketetapan Awal ke atas penerimaan RM400,700,000.00 oleh pemohon daripada SKF Sweden. Keputusan responden untuk tidak menggunakan Ketetapan Awal adalah dibuat seperti yang dibenarkan oleh seksyen 138B ACP dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Ketetapan Awal) 2008. Pemohon telah gagal untuk menunjukkan apa-apa keadaan luar biasa dalam permohonan semakan kehakiman ini.

Dan kes ini sepatutnya didengar dan diputuskan oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

[12] Memang benar Mahkamah ini pada 12 Oktober 2017 telah memberi kebenaran kepada pemohon untuk memulakan prosiding semakan kehakiman dengan tiada bantahan daripada pihak responden. Walau apa pun bantahan mengenai kewujudan remedi alternatif boleh dibangkitkan pada mana-mana peringkat (Majlis Perbandaran Pulau Pinang v Syarikat Bekerjasama-sama Serbaguna Sungai Gelugor Dengan Tanggungan [1999] 3 CLJ 65; Zakaria bin Abdullah dan lain-lain v Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan lain-lain [2013] ILNS 304);

[13] Seksyen 99 ACP memperuntukkan remedi alternatif iaitu boleh merayu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

[14] Dalam *Government of Malaysia & Anor v Jagdis Singh* [1987] CLJ (Rep) 110 Mahkamah Agung menyatakan:

A clear principle is reiterated here i.e. it is not a rigid rule that whenever there is an appeal procedure available to the applicant he should be denied judicial review. Judicial review is always at the discretion of the Court but where there are other avenue or remedy open to the applicant it will only be exercised in very exceptional circumstances.

*In Re Preston* was a tax case. It was quite clear from the speeches of their Lordships in the House of Lords that the Inland Revenue Commissioners were not immune from the process of judicial review. But what was also made clear is that remedy by way of judicial review is not to be available where an alternative remedy exists **except in very exceptional cases.**

In answer to the first question we would therefore hold that the discretion is still with the Courts but where there is an appeal provision available to the applicant *certiorari* should not normally issue unless there is shown a clear lack of jurisdiction or a blatant failure to perform some statutory duty or in appropriate cases a serious breach of the principles of natural justice.

[15] Dalam Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v Mudah.my Sdn Bhd [2017] 5 CLJ 283 Mahkamah Rayuan menyatakan:

[22] The principle that the court retained the power to judicially review the decision of a public authority, but where there was an alternative remedy of appeal, leave to bring judicial review proceedings would only be granted in exceptional circumstances would entail the necessity on the part of the respondent to show to our satisfaction the existence of such exceptional circumstances. The effect of the failure by the respondent to establish special circumstances necessarily followed that the legal precept that an alternative remedy was available and yet to be exhausted would therefore return to the forefront for consideration (*Ta Wu Realty Sdn Bhd, supra*). The decision in *Jagdis Singh* thus laid down a lucid and authoritative guiding principles enunciated by none other than the highest court of the land which this court was bound to follow. Therefore, the principle remains a good law here that the way is open for this court to hold that the above case authorities should apply to the appeal before us especially when these authorities deal specifically in revenue matters where an alternative and specific remedy is expressly provided under s. 109H of Act 53. It is beyond question that this position is not an option but the law

that ought to be complied with and applied to the instant application.

[16] Menggunapakai prinsip yang dinyatakan dalam kes-kes di atas sekarang saya akan melihat sama ada di dalam kes ini terdapat keadaan luar biasa tersebut untuk Mahkamah melaksanakan budi bicaranya dalam semakan kehakiman ini.

[17] Ketetapan Awal adalah tertakluk kepada peruntukan seksyen 138B ACP dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah ACP iaitu Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Ketetapan Awal) 2008 (Kaedah-Kaedah).

[18] Peruntukan yang relevan dalam seksyen 138B ACP adalah seperti berikut:

(1) Subject to this section or any rules prescribed under this Act, on the application made by any person, the Director General shall make an advance ruling on the application of any provision of this Act to the person and to the arrangement for which the ruling is sought.

.....

(6) A ruling made under subsection (1) does not apply to a person in relation to an arrangement if –

- (a) The arrangement is materially different from the arrangement stated in the ruling;
- (b) there was a material omission or misrepresentation in, or in connection with the application of the ruling;
- (c) the Director General makes an assumption about a future event or another matter that is material to

- the ruling, and the assumption subsequently proves to be incorrect; or
- (d) the person fails to satisfy any of the conditions stipulated by the Director General.

[19] Peruntukan yang relevan dalam Kaedah-kaedah adalah seperti berikut:

Kaedah 2 (3) memperuntukkan:

2(3) An advance ruling under subrule (1) or (2) shall be issued for arrangement that are seriously contemplated by the person applying for a ruling under subrule (1).

Kaedah 3(a) memperuntukkan:

3 The Director General shall not make an advance ruling in the following circumstances:

(a) where at the time the application for advance ruling is made or at any time before the advance ruling is issued, the person applying for the advance ruling has entered into or effected the arrangement for which the advance ruling is sought;

Kaedah 15 memperuntukkan:

15 (1) Where an advance ruling has been issued to any person and the person is required to furnish a return under the Act for any year of assessment that relates to the period applicable under the advance ruling, that person shall, in preparing the return, take into account the manner in which a provision of the Act is applied to an arrangement pursuant to such advance ruling.

15(2) For the purpose of subrule (1), the person to whom the advance ruling applies shall disclose in the return-

- (a) the issuance of the advance ruling;
- (b) whether or not he has relied on the advance ruling in preparing and providing the return; and
- (c) any material change to the arrangement to which in the advance ruling applies.

[20] Jelasnya daripada peruntukan kaedah 2(3), Ketetapan Awal hendaklah dikeluarkan bagi arrangement that is seriously contemplated dan daripada peruntukan kaedah 3(a), responden hendaklah tidak membuat Ketetapan Awal dalam keadaan di mana pada masa permohonan untuk Ketetapan Awal dibuat atau pada masa sebelum Ketetapan Awal dikeluarkan arrangement has been entered into or effected.

[21] Dalam kes ini, berdasarkan kepada ekshibit "A-13" affidavit sokongan pemohon ia jelas menunjukkan bahawa pemohon telah pun memasuki perjanjian dengan SKF Sweden (CMA) pada 1 Disember 2011 iaitu sebelum permohonan Ketetapan Awal yang mana dibuat pada 6 April 2012. Berdasarkan kepada CMA, pemohon menjadi contract manufacturer kepada SKF Sweden dan SKF Sweden memiliki Aset Tidak Ketara pada 1 Januari 2012. Dengan itu arrangements has been entered into and effected sebelum permohonan Ketetapan Awal dibuat. Dan fakta ini tidak didedahkan kepada responden dalam permohonan untuk Ketetapan Awal. Pemohon telah gagal untuk memenuhi sesuatu yang diperlukan iaitu arrangement that is seriously contemplated dan not entered into or effected sebelum permohonan untuk Ketetapan Awal dibuat.




- [22] Pemohon telah gagal untuk memberikan maklumat dan dokumen-dokumen relevan dalam permohonan untuk Ketetapan Awal. Maklumat berkaitan CMA tidak diberikan kepada responden. Ini adalah suatu ketinggalan yang material di pihak responden berhubung dengan permohonan untuk Ketetapan Awal. Dengan itu pemohon adalah tergolong dalam pengecualian di bawah seksyen 138B (6)(b) ACP yang mana Ketetapan Awal adalah tidak terpakai kepada arrangement yang dibuat oleh pemohon.
- [23] Ekshibit "ABRI – 1" affidavit jawapan responden (2) adalah borang nyata cukai pendapatan pemohon bagi Tahun Taksiran 2012. Dalam borang ini pemohon sendiri mengisytiharkan bahawa tidak ada Ketetapan Awal yang terpakai kepada mereka. Ini adalah bertentangan dengan kaedah 15 yang memperuntukkan secara mandatori bahawa jika ada Ketetapan Awal hendaklah mengisytiharkannya di dalam borang taksiran cukai.
- [24] Saya mendapati bahawa pemohon telah melanggar kaedah 2(3), kaedah 3(a) dan kaedah 15. Justeru Ketetapan Awal tidak terpakai kepada pemohon. Ketetapan Awal juga tidak terpakai kepada pemohon memandangkan pemohon adalah tergolong dalam pengecualian di bawah seksyen 138B (6)(b) ACP.
- [25] Dengan itu tidak boleh dikatakan bahawa keputusan responden yang enggan untuk menggunakan Ketetapan Awal bertarikh 13 September 2012 adalah menyalahi undang-undang, tidak rasional dan tidak munasabah. Keputusan responden yang enggan untuk menggunakan Ketetapan Awal bertarikh 13 September 2012 adalah menurut undang-undang dan munasabah seperti yang dibenarkan oleh seksyen 138B ACP dan Kaedah-Kaedah.

- [26] Tiada hal keadaan khas atau luar biasa yang menjadikan permohonan ini antara pengecualian yang terdapat dalam kes Jagdis Singh, supra. Pemohon telah gagal menunjukkan wujudnya hal keadaan khas atau luar biasa.
- [27] Tidak terdapat isu lack of jurisdiction apabila responden enggan untuk menggunakan Ketetapan Awal bertarikh 13 September 2012. Keputusan responden untuk enggan menggunakan Ketetapan Awal adalah dibuat berdasarkan kepada peruntukan undang-undangan iaitu seksyen 138B ACP dan Kaedah-Kaedah. Tiada bukti kegagalan terangan oleh responden untuk melaksanakan kewajipan statutorinya di bawah seksyen 138B ACP untuk menggunakan Ketetapan Awal dan tiada apa-apa pelanggaran keadilan asasi yang serius.
- [28] Tidak terdapat hal keadaan khas atau luar biasa untuk mahkamah ini melaksanakan budi bicaranya bagi menyemak keputusan responden apabila telah sedia ada proses rayuan di bawah seksyen 99 ACP.
- [29] Isu-isu yang dipertikaikan oleh pemohon adalah berkenaan taksiran yang telah dibangkitkan oleh responden melalui notis-notis taksiran bagi Tahun-Tahun Taksiran 2010, 2011 dan 2012 yang kesemuanya bertarikh 19 September 2017 yang mana pemohon telah pun merayu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan melalui Borang Q bertarikh 13 Oktober 2017 (Ekshibit "ABR-2" dan Ekshibit "ABR-3" affidavit jawapan responden (2)). Pemohon sepatutnya teruskan dengan rayuan di bawah seksyen 99 ACP dan bukan dengan memfailkan permohonan ini.

[30] Permohonan ini adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah. Permohonan ini tidak mempunyai merit dan tanpa sebarang asas undang-undang.

[31] Permohonan pemohon dalam Lampiran 29 adalah ditolak dengan kos RM5,000.00 tertakluk kepada pembayaran fi alokatur.

Bertarikh: 31 Oktober 2018



MUHAMMAD JAMIL BIN HUSSIN  
PESURUHJAYA KEHAKIMAN  
MAHKAMAH TINGGI SEREMBAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Kaunsel:

Bagi pihak pemohon

- Vijey R. Mohana Krishnan dan  
Nicholas Mark Pereira;  
Tetuan Raja, Darryl & Loh

Bagi pihak responden

- Normareza binti Mat Rejab dan  
Norsyamimi binti Bukhari;  
Lembaga Hasil Dalam Negeri  
Malaysia